

Bahasa Melayu mampu jadi medium penyebaran maklumat

# Guna bahasa ibunda kuasai ilmu

**KUALA LUMPUR** 13 Nov. - Kajian menunjukkan bahawa sesuatu ilmu itu lebih mudah dihadam jika diajarkan dalam bahasa ibunda, kata Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Beliau berkata, gedung khazanah bahasa Melayu sebenarnya cukup kaya dan mampu menjadi medium penyebaran maklumat dan ilmu.

“Potensi bahasa Melayu untuk menjadi bahasa dunia khususnya dalam sektor ekonomi adalah tidak mustahil.

“Bahasa Melayu hanya berhadapan dengan krisis keyakinan dalam kalangan para penggunanya dek keterbatasan kosa kata untuk mengungkap perkembangan tamadun dunia yang berasaskan sains dan teknologi,” katanya ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof. Madya Dr. Abdul Muati.

Seminar dua hari bertemakan ‘Bahasa Melayu Bahasa Negara Bangsa’ itu dianjurkan bersama oleh UPM dan DBP.

Dalam sidang akhbar kemudian, Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Awang Sariyan turut sependapat dengan Mohd. Fauzi bahawa ba-

nyak kajian mendapati ilmu lebih mudah diterima jika diajar dalam bahasa ibunda.

“Salah satu kajian dilaksanakan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unesco),” katanya.

Terdahulu, Awang ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk ‘Strategi Menjayakan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Negara Bangsa’ berkata, usaha memartabat dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu harus dilihat sebagai amanah besar yang perlu dilaksanakan oleh semua peringkat warganegara.

“Bahasa kebangsaan, seperti diungkapkan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka tidak seharusnya dikorbankan atas nama pembangunan dan kemajuan.

“Ini kerana kemajuan yang hakiki turut meliputi keupayaan kita maju dalam bahasa dan landasan budaya kita sendiri,” katanya.

Semalam, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengulangi gesaan supaya sains dan matematik diajar dalam Bahasa Inggeris agar golongan muda negara ini tidak ketinggalan dalam menguasai pelbagai ilmu ekoran perkembangan pesat kedua-dua bidang tersebut. - BERNAMA



**AWANG Sariyan (kiri) bersama Mohd. Fauzi Ramlan (kanan) dan Abdul Muati (dua dari kiri) menunjukkan buku sebagai simbolik pelancaran Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID**